KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

PERMUKIMAN KKDW TAHUN 2026

TARIKH/MASA:

08 FEBRUARI 2026 (AHAD)

3:30 PETANG

TEMPAT:

RAIA HOTEL & CONVENTION CENTRE,

KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

MUKADIMAH

1. Tiga tahun menerajui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah bukan sekadar satu lagi jawatan dalam perjalanan perkhidmatan saya. Ia adalah satu amanah yang mengubah cara saya melihat pembangunan dan makna sebenar memakmurkan kehidupan manusia.

2. Jika pengalaman di Hal Ehwal Agama, KDN dan MINDEF mengajar saya tentang dasar, keselamatan dan kedaulatan negara, maka **KKDW mengajar saya tentang jiwa desa - tentang kehidupan yang membentuk negara dari akarnya.**

3. Dalam memimpin Kementerian ini, saya sentiasa meletakkan diri bukan sekadar sebagai seorang Menteri, tetapi sebagai **anak Sungai Nipah Darat, Bagan Datuk** yang membesar dengan denyut nadi desa dan percaya bahawa desa berhak dibangunkan dengan **maruah, nilai dan masa depan yang lebih sempurna**.

4. Justeru, sedari awal lagi, saya membuat satu keputusan yang jelas: turun ke lapangan. Saya memilih untuk berjumpa, mendengar dan berinteraksi dengan pegawai di semua peringkat bukan untuk mencari salah sesiapa, tetapi untuk memahami kekuatan sebenar, mengenal pasti kekangan, membaca budaya kerja, dan mencari formula terbaik untuk menggerakkan KKDW secara menyeluruh.

5. Daripada siri pertemuan dan libat urus inilah lahir Aspirasi Desa Makmur. Aspirasi ini diterjemahkan melalui kerangka D.E.S.A yang menjawab persoalan asas: *apa sebenarnya yang ingin kita bangunkan di desa.*

6. Setahun kemudian, pendekatan ini dimatangkan melalui Aspirasi Desa MADANI, berpaksikan empat teras K.K.D.W. Jika D.E.S.A menjawab *APA*, maka K.K.D.W mentakrifkan *BAGAIMANA*. Bagaimana dasar diterjemahkan dengan **kemahiran yang sentiasa ditingkatkan, kecekapan yang boleh diukur dan keberanian untuk mencipta sesuatu yang melangkaui kebiasaan.**

KKDW Terus Mengorak Langkah.

7. Langkah kita tidak pernah terhenti. Dasar tidak dibiarkan statik. Ia diperkukuh melalui pemukiman strategik dan *midterm review* - ruang untuk menilai bukan sekadar prestasi, tetapi cara fikir, mencari keutamaan dan jurang antara perancangan dengan pelaksanaan. Di sinilah budaya kerja kita perlahan-lahan mula berubah.

8. Lihat sahaja hasilnya, KKDW bukan sahaja mencatat prestasi perbelanjaan hampir menyeluruh dan menyiapkan ribuan projek akses luar bandar sejak 2023 - malah mula memacu **transformasi sistem dan struktur** sehingga KKDW berjaya memperoleh **tempat kedua bagi Anugerah Penilaian *Outcome* Kementerian Berprestasi Tinggi.**

9. Melalui pemukiman ini juga, kita turut memperkenalkan dua budaya kerja baharu — **quick win** dan **game changer**. Daripada sinilah kita melangkah ke tahap yang lebih matang, dipacu oleh **pemikiran strategik dan pendekatan *cross-functional***, yang memecahkan silo serta menyatukan kepakaran merentas agensi.

10. Konsultasi berinstitusi bersama Kerajaan Negeri melalui **MEXCLUB**, serta libat urus berterusan dengan **Kementerian**

Kewangan dan **Kementerian Ekonomi**, terus diperkukuh dan diterjemahkan melalui peningkatan peruntukan saban tahun.

11. Tahun ini adalah tahun peralihan daripada sekadar merancang kepada memperoleh keputusan. Tiga tahun lalu kita menanam. Hari ini, pokok itu mesti mula berbuah. Kita lihat hasil hari ini.
    - **Kemiskinan tegar menurun daripada 0.2% (2022) kepada 0.09% (2024).**
    - **Kadar kemiskinan luar bandar menurun kepada 9.9% (2024) daripada 12.9% (2022).**
    - **Migrasi luar bandar ke bandar merosot kepada 0.5% pada tahun 2024 berbanding 2.4 peratus pada tahun 2022.**
    - **Kebolehpasaran graduan TVET KKDW melebihi 98.7%.**

12. Ini membuktikan bahawa sekiranya kita berani **melakukan anjakan, melakukan bottom-up approach dan dimantapkan melalui outcome, bukan sekadar *output*** – akhirnya memberikan keberhasilan yang akhirnya mencerminkan kejayaan sebenarnya mana-mana institusi bukan sahaja KKDW dan agensinya malah agensi-agensi lain yang berada di sini seperti FELDA, MTVET, APM, NADMA dan yang terbaharu, NACSA, RD dan MyDigital ID.

13. Dalam konteks inilah saya memperkenalkan kerangka 5P — *People, Place, Productivity, Prosperity dan Prophetic* sebagai hala tuju baharu pembangunan desa. Keutamaan diberikan kepada pembangunan insan secara inklusif, menggerakkan potensi setempat melalui hab pelaburan desa, serta memacu

perancangan yang lebih strategik berasaskan *dashboard,* data raya dan kecerdasan buatan (AI).

14. Bayangkan perancangan desa yang mampu menjangka keperluan sebelum masalah berlaku. **Penggunaan AI** membantu kita membuat keputusan yang lebih tepat, pantas dan adil — daripada menilai keberkesanan program hinggalah meramal pulangan sosioekonomi melalui intervensi yang lebih tersasar dan menyeluruh.

15. Percayalah, **hanya dengan cara fikir baharu** kita mampu mengangkat desa ke tahap yang lebih tinggi. *We must always think big, think deeper, and do more.* Kita tidak boleh selesa hanya kerana rutin terasa selamat.

16. Jika kita terus terikat dengan pemikiran lama, masakan lahir idea dan inisiatif baharu yang berani — seperti **Pra-Tahfiz KEMAS**, **Tabika Tunas Istimewa** yang memberi ruang inklusif kepada kanak-kanak istimewa, **Desa Kirana** sebagai model pelancongan desa bernilai tinggi, **RISSmart** untuk pendigitalan usahawan desa, **TVET MARA** yang melonjakkan kebolehpasaran belia, **Gate to Global** yang membuka laluan pasaran antarabangsa, **MRSM Ulul Albab** yang menggabungkan ilmu, akhlak dan sains, serta **Karnival Mega 3 Dimensi** yang memperkukuhkan nilai *cross-functional.*

17. Penubuhan **Suruhanjaya TVET Negara**, pembinaan **Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB)**, serta penganjuran **MIHAS di luar negara** merupakan langkah-langkah yang lahir daripada **pemikiran baharu** - berani berfikir berbeza dan bertindak melangkaui kebiasaan.

MENCIPTA PEMIKIRAN STRATEGIK

18. Ke hadapan, saya mahu pembangunan desa diurus dengan **minda korporat**. Ini bukan soal mengkomersialkan bantuan, tetapi memastikan setiap ringgit awam memberi **pulangan nilai** yang besar kepada rakyat. Minda korporat dalam pentadbiran Kerajaan memberi makna keputusan yang pantas, peranan yang jelas, garis masa yang tegas, serta ukuran prestasi yang telus dan boleh diaudit.

19. Ia juga menuntut keberanian untuk menilai program secara jujur - apa yang berkesan mesti diperluas, apa yang lemah diperbaiki, dan apa yang tidak lagi relevan ditamatkan.

20. Prinsip yang sama saya laksanakan ketika diamanahkan menjaga hal ehwal agama dan menyelia **Tabung Haji**. Ketika turun ke lapangan di Mekah, saya mendengar sendiri keluhan petugas haji - elaun harian hanya **80 riyal**, dipotong hampir **50%** untuk makan dan penginapan. Malah keperluan asas seperti vest dan kain ihram perlu dibayar sendiri.

21. Saya membuat keputusan untuk sebarang potongan dihentikan, vest dan kain ihram diberikan secara percuma, dan elaun dinaikkan daripada **80 riyal kepada 300 riyal sehari**. Ramai menjangka langkah ini akan membebankan kewangan. Namun hakikatnya, Tabung Haji **tidak rugi**. Sebaliknya, motivasi pekerja membuatkan keuntungan bersih meningkat daripada sekitar **RM750 juta setahun kepada RM1.1 bilion**. Ini membuktikan bahawa **kebajikan kakitangan dan prestasi kewangan boleh bergerak seiring**.

22. Pendekatan sama saya terapkan ketika mempengerusikan institusi zakat di Wilayah Persekutuan. Ketika itu, kutipan zakat sekitar **RM150 juta**, bergantung kepada kaedah lama dan tenaga kerja dengan elaun minimum. Saya menukar pendekatan. Saya jadikan pegawai bukan lagi sekadar "penyampai maklumat", tetapi **eksekutif pemasaran zakat**. Insentif distrukturkan semula secara sah menurut hukum syarak sebagai *amil*. Hasilnya, kutipan meningkat kepada **RM350 juta**, dan seterusnya melonjak sehingga **melebihi RM1 bilion**.

23. Inilah makna **minda korporat dalam pentadbiran kerajaan** — membuat keputusan berasaskan data dan prestasi, serta memastikan setiap dasar menghasilkan **outcome yang boleh diukur dan benar-benar dirasai rakyat**.

24. Justeru, saya amat bersyukur tahun 2025 menjadi tahun keberhasilan apabila 100% daripada 42 inisiatif Game Changer berjaya dilaksanakan. Dalam prasarana luar bandar sahaja, RM4.15 bilion diperuntukkan bagi 1,569 projek fizikal, termasuk jalan, bekalan air, elektrik dan kemudahan asas. Hampir 10,000 rumah PPRS dibina, memberi manfaat kepada lebih 40,000 penduduk desa.

25. Namun persoalannya - adakah rakyat benar-benar merasainya? Atau kita sekadar berpuas hati kerana tugas telah dilaksanakan mengikut kpi yang telah ditetapkan?

26. Di sinilah perlunya **pendekatan komunikasi baharu**. Kejayaan dasar hari ini bukan hanya pada pelaksanaan, tetapi pada keupayaan kita membina kepercayaan. **Komunikasi**

mesti berjiwa, berteraskan manusia, dan menceritakan perubahan sebenar yang dialami rakyat.

27. Bayangkan jika setiap rumah PPRS bukan sekadar siap dibina, tetapi diraikan. Bayangkan 10,000 penerima bercakap tentang perubahan hidup mereka. Di situlah dasar menjadi cerita. Di situlah kepercayaan terbina.

28. Begitu juga bantuan prasarana seperti jalan, air dan elektrik, setiap peruntukan mesti disertai komunikasi berasaskan *3rd party validation*. **Agensi pelaksana wajar memperuntukkan sebahagian kecil kos pembangunan bagi merealisasikan pendekatan komunikasi dan membina kepercayaan rakyat**.

29. Tambahan itu, saya mahu **KSU memastikan** gerakan Kementerian pada tahun ini dilaksanakan dengan lebih **meluas, tersusun dan berimpak**. Inisiatif **Gerakan Massa Masyarakat Desa (GEMA)** yang dibentangkan oleh KEMAS saya yakini berpotensi dijadikan **gerakan payung KKDW**, dengan penglibatan menyeluruh semua agensi kementerian, yang lebih **merakyat dan berakar kukuh** di peringkat komuniti.

30. Saya juga mahu mahu kehadiran dan turun padang kepimpinan kementerian ke kawasan desa nanti **tidak lagi terikat kepada norma majlis perasmian semata-mata**, sebaliknya diolah secara lebih **organik, inklusif dan benar-benar dirasai** oleh masyarakat desa di seluruh negara.

PENUTUP

31. Saya sentiasa percaya bahawa kekuatan sesebuah kementerian tidak terletak pada struktur semata-mata, tetapi pada **budaya fikir** yang menggerakkannya. Sebab itu, saya menitikberatkan pemikiran strategik agar kita kekal dinamik dan *agile*, berani melakukan perubahan walaupun kecil, tetapi **tepat dan berimpak**.

32. Kita tidak boleh menunggu keadaan sempurna untuk bergerak. *We move, we learn, and we refine.* Dalam dunia yang berubah pantas, **yang berani mencuba akan mendahului dan yang takut berubah akan ketinggalan**.

33. Hari ini, sahutan untuk melahirkan **Kumpulan Pemikir KKDW** telah direalisasikan. **Pelan Strategik KKDW 2026–2030** pula menjadi panduan baharu kita. Biarlah kedua-duanya menjadi **manifesto keberanian** untuk melakukan anjakan paradigma dalam tadbir urus luar bandar, agar benar-benar meninggalkan **kesan transformatif** dalam kehidupan masyarakat desa.

34. Setiap program yang dirangka mesti meninggalkan kesan. Setiap ringgit yang dibelanjakan mesti memberi nilai. Dan setiap langkah yang diambil mesti dirasai oleh rakyat desa.

35. Orang tua-tua pernah berpesan, *"Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya."* Begitu juga dengan pembangunan desa. Tanpa keberanian untuk mengubah cara fikir dan mencabar rutin, kita hanya akan mengulang masa lalu - **bukan mencipta masa depan** yang lebih sempurna

Sekian
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.